

MPU3142

**BAHASA MELAYU**  
**KOMUNIKASI II**

SELF INSTRUCTIONAL  
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &  
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)  
IN BANKING AND FINANCE**



# TOPIK 5

## ▶ Persekitaran I

### HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Mengenal pasti perkataan bahasa Melayu untuk menggambarkan aktiviti harian;
2. Menggunakan kata kerja untuk menerangkan aktiviti harian;
3. Menggunakan kata bantu;
4. Menggunakan gabungan frasa nama, frasa kerja dan penyambut;
5. Menggunakan gabungan frasa nama dan frasa sendi nama; dan
6. Menceritakan perihal tempat penting di sekitar kampus dan tempat tinggal.

### ▶ PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti harian dapat memantapkan penguasaan anda dalam bahasa ini. Dalam perbualan harian dalam bahasa Melayu, penutur akan menggunakan pelbagai bentuk bahasa bergantung pada persekitaran. Sekiranya perbualan berlangsung di sekitar kampus, perkataan yang berkaitan dengan kampus akan digunakan secara meluas.

Oleh itu, topik ini akan mengajar anda tentang:

- (a) Kata kerja bagi aktiviti harian;
- (b) Gabungan frasa nama, frasa kerja dan penyambut;
- (c) Gabungan frasa nama dan frasa sendi nama; dan
- (d) Kata bantu asas.

Akhir sekali, perihal tempat tinggal akan turut dibincangkan. Ayuh, mari kita teruskan!

## 5.1 AKTIVITI HARIAN

Cuba anda senaraikan aktiviti harian anda bermula dari awal pagi. Adakah ia sama dengan jiran anda? Secara umumnya, aktiviti harian setiap orang adalah pelbagai kerana ia berlaku dalam persekitaran yang berbeza. Antara aktiviti yang dilakukan oleh seseorang dalam kehidupan harian mereka adalah seperti yang berikut:

- (a) Bangun/*wake*;
- (b) Sarapan/*breakfast*;
- (c) Berjalan/*walking*;
- (d) Menunggu/*waiting*;
- (e) Tulis/*write*;
- (f) Hadir/*attend*;
- (g) Dengar/*listen*;
- (h) Membaca/*reading*;
- (i) Bincang/*discuss*; dan
- (j) Belajar/*learning*.

Mari kita lihat satu contoh aktiviti harian dalam kehidupan dua orang pelajar. Baca perbualan mereka dan senaraikan aktiviti yang dilakukan oleh watak yang terlibat.

Misha : Helo Kamilia. Awak buat apa?  
 Kamilia : Oh Misha. Saya sedang membaca akhbar. Awak dari mana?  
 Misha : Saya baru sahaja bersarapan. Awak sudah minum?  
 Kamilia : Sudah. Saya minum sahaja tetapi belum makan.  
 Misha : Mengapa awak belum makan?  
 Kamilia : Saya sedang menunggu Mona. Dia akan datang sebentar lagi.  
 Misha : Kalau Mona datang, bolehlah kita bincang tentang tugas kita.  
 Kamilia : Tentu sekali. Kita tunggu sebentar lagi. Mona pasti datang.



### AKTIVITI 5.1

1. Nyatakan aktiviti yang ditunjukkan dalam gambar berikut.



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_

2. Cuba teliti jadual aktiviti seorang pelajar universiti. Kemudian

Masa	Aktiviti
7.00 pagi	Bersiap untuk ke kampus.
8.00 pagi	Menunggu bas.
8.30 pagi	Sampai di kampus dan bersarapan di kantin.
9.00 pagi	Masuk ke perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran.
10.00 pagi	Masuk ke kelas.

3. Terangkan aktiviti harian anda sebagai pelajar jarak jauh. Nyatakan perbezaan aktiviti anda berbanding aktiviti dalam Soalan 2.

4. Dalam forum myINSPIRE, nyatakan:

(a) Aktiviti harian anda pada waktu pagi

## 5.2

### KATA KERJA DALAM AKTIVITI HARIAN

Apakah yang dimaksudkan dengan kata kerja?

**Kata kerja** ialah perkataan yang menerangkan sesuatu **perbuatan**.

Yang berikut adalah antara kata kerja yang menerangkan aktiviti harian:

- (a) Datang – *come*;
- (b) Makan – *eat*;
- (c) Pergi – *go*;
- (d) Lari – *run*;

- (e) Tangkap – *catch*;
- (f) Pandu – *drive*;
- (g) Jumpa – *meet*;
- (h) Cakap – *talk*; dan
- (i) Nyanyi – *sing*.



### AKTIVITI 5.2

Cari padanan bagi kata kerja berikut dalam bahasa Inggeris

Kata Kerja (Bahasa Melayu)	Jawapan
Lompat	
Duduk	
Pinjam	
Jual	
Baca	
Tulis	
Kejar	
Panggil	
Hantar	
Baling	

## 5.3 KATA BANTU ASAS

Sekarang mari kita beralih pula kepada kata bantu. Apakah yang dimaksudkan dengan kata bantu?

**Kata bantu** ialah perkataan yang digunakan untuk **menerangkan kata kerjaya mengikutinya**.

Mari kita lihat beberapa contoh kata bantu dalam Jadual 5.1.

**Jadual 5.1:** Contoh Kata Bantu

Kata Bantu	Contoh Ayat
Boleh	Aminah <b>boleh</b> menyanyi.
Mahu	Kami <b>mahu</b> balik sekarang.
Hendak	Suzila <b>hendak</b> membeli makanan.
Ingin	Ibu <b>ingin</b> balik ke kampung.
Mesti	Kamu <b>mesti</b> datang esok.

Perkataan					Jawapan
hendak	saya	sebuah	kereta	membeli	
pergi	sekarang	mahu	saya	ke kantin	
kamu	lulus	peperiksaan	mesti	akhir	
Paris	melawat	emak	pergi	ingin	
beli	cerita	hendak	buku	saya	

## POLA 5.4 DASAR 3: FRASA NAMA (FN) + FRASA KERJA (FK)

Tahukah anda pola ayat dasar FN + FK ialah ayat yang terbentuk daripada gabungan **frasa nama** sebagai **subjek** dan **frasa kerja** sebagai **predikat**? Ada kalanya frasa kerja yang digunakan memerlukan **penyambut** dan ada kalanya tidak. Mari kita lihat contohnya dalam Jadual 5.2.

**Jadual 5.2:** Contoh Pola Ayat Dasar 3: Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)

Subjek Frasa Nama (FN)	Predikat Frasa Kerja (FK)	Penyambut
Mohan	makan	roti
Adik	minum	air
Umi	masak	nasi
Bapa	tebang	pokok

Berdasarkan Jadual 5.2, ayat FN + FK ialah:

- (a) Mohan makan roti.
- (b) Adik minum air.
- (c) Umi masak nasi.
- (d) Bapa tebang pokok.







### SEMAK KENDIRI 5.1

1. Berikan maksud kata kerja.
2. Dalam pola ayat dasar FN + FK, manakah yang merupakan subjek dan



### AKTIVITI 5.4

1. Senaraikan kata kerja yang biasanya anda lakukan setiap hari.
2. Bina empat ayat yang menggunakan pola FN + FK.
3. Bina ayat yang menggunakan pola FN + FK berdasarkan gambar yang dipaparkan.

Frasa Nama (FN)	Frasa Kerja (FK)	Ayat
Alicia		
Faizul		
Haziq dan Nuha		
Azman		

## POLA 5.5 DASAR 4: FRASA NAMA (FN) + FRASA SENDI NAMA (FSN)

Apakah yang dimaksudkan dengan frasa sendi nama (FSN)?

**Frasa sendi nama** ialah kata tugas yang hadir di **hadapan frasa nama** yang bertujuan menjelaskan **konteks penggunaannya**.

Mari kita lihat contoh frasa nama (FN) + frasa sendi nama (FSN) dalam Jadual 5.3.

**Jadual 5.3:** Contoh Pola Ayat Dasar 4: Frasa Nama (FN) + Frasa Sendi Nama (FSN)

Jenis Kata Sendi Nama	Penggunaan	Ayat Contoh
dari	Untuk arah, tempat dan masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lukman berasal <b>dari</b> Johor.</li> </ul>
daripada	Untuk orang, membuat perbandingan dan menyatakan sumber (diperbuat)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hadiah ini <b>daripada</b> Anis.</li> <li>Buku saya lebih tebal <b>daripada</b> buku awak.</li> <li>Meja ini diperbuat <b>daripada</b> kayu.</li> </ul>
ke	Untuk tempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Emak pergi <b>ke</b> kedai pagi tadi.</li> </ul>
kepada	Untuk orang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Amin memberikan hadiah <b>kepada</b> Husna.</li> </ul>
pada	Untuk masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dia datang tepat <b>pada</b> pukul 7.00 pagi.</li> </ul>
di	Untuk tempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Saya tinggal <b>di</b> kampung.</li> </ul>



### AKTIVITI 5.5

1. Nyatakan kata sendi nama yang betul untuk ayat-ayat berikut.
  - (a) Pekerja-pekerja itu berasal\_\_\_\_\_negara Bangladesh.
  - (b) Azman menulis sepucuk surat\_\_\_\_\_ibunya.
  - (c) Nilai Universiti terletak\_\_\_Negeri Sembilan.
  - (d) Peperiksaan akan bermula\_\_\_\_\_pukul 8.00 pagi.
  - (e) Arca itu diperbuat\_\_\_\_\_dawai tembaga.
  - (f) Buah durian lebih mahal\_\_\_\_\_buah rambutan.
  - (g) Kami akan pergi\_\_\_\_\_Alor Setar pada hujung mingguini.
  - (h) Bungkusan ini\_\_\_\_\_Malina.

2. Baca dialog berikut. Gariskan kata sendi nama dan sebutkannya dengan jelas.

Regina	:	Hai Munir! Awak datang dari mana tadi?
Munir	·	Oh Regina. Saya dari pasar raya tadi. Awak mahuke mana?
Regina	:	Saya mahu pulang ke rumah. Tapi bas akan datang pada pukul 10.00 pagi.
Munir	:	Mengapakah awak lalu di sini? Bukankah jalan inilebih jauh dari Jalan Mawar?
Regina	:	Saya hendak singgah di gerai pisang goreng Pak Ali. Pisang goreng Pak Ali dibuat daripada pisang nangka. Memang sedap.
Munir	:	Kalau macam itu saya hendak ikut awaklah ke gerai Pak

3. Isikan tempat kosong dengan kata sendi nama dan kata bantu yang sesuai.
- (a) Rak buku itu diperbuat\_\_\_\_\_kayu.
  - (b) Meja makan terletak\_\_\_\_\_ruang dapur.
  - (c) Sofa yang cantik itu diimport\_\_\_\_\_Itali.
  - (d) Bapa\_\_\_\_\_membeli meja makan di bandar.
  - (e) Ibu\_\_\_\_\_membersihkan rak televisyen itu kerana berhabuk\_\_\_\_\_

## TEMA 5.6 ENTING DI SEKITAR KAMPUS


Cuba anda namakan beberapa tempat yang biasa terdapat di dalam kawasan kampus. Antara tempat yang biasanya terdapat di dalam kawasan kampus adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.1.



Dewan Kuliah



Kafeteria



Perpustakaan



Gelanggang sukan

**Rajah 5.1:** Tempat penting di sekitar kampus**AKTIVITI 5.6**

Berdasarkan gambar dalam Rajah 5.1, bina ayat menggunakan pola

## TEMU 5.7 TINGGAL SAYA

Akhir sekali, mari kita bincangkan tentang tempat tinggal. Setiap orang mempunyai tempat tinggal. Terdapat tempat tinggal yang dibeli terdapat juga yang disewa. Bagi pelajar, biasanya mereka akan tinggal di kolej kediaman universiti atau menyewa rumah berhampiran dengan tempat mereka belajar.

Terdapat pelbagai jenis kediaman di negara ini. Antaranya adalah rumah teres, pangsapuri, banglo, rumah kedai, rumah berkembar dan rumah kampung.

Mari kita baca perbualan berikut dan nyatakan jenis tempat tinggal yang terdapat dalam perbualan tersebut.

Suresh : Selamat datang ke rumah saya.

Haikal : Wah, besarnya rumah awak. Ini banglo dua tingkat. Dulu  
saya tinggal di rumah teres.

Suresh : Baguslah. Saya tinggal di pangsapuri.  
Pangsapuri awak terletak di mana?

Haikal : Di Jalan Ceria. Banyak pangsapuri di situ.

Haikal : Oh, saya tahu. Jalan Ceria terletak di sebelah kampung datuksaya.

Dalam sesuatu rumah, kebiasaannya ada ruang tertentu bagi tujuan tertentu. Contohnya:

- (a) Ruang tamu untuk melayan tetamu dan beristirahat bersama keluarga;
- (b) Bilik tidur untuk tidur dan berehat; dan
- (c) Dapur untuk memasak dan makan.

Rajah 5.2 memaparkan contoh susun atur dalam ruang tamu, bilik tidur dan dapur yang selesa.



Ruang tamu



Bilik tidur



Dapur

Rajah 5.2: Ruang di dalam rumah







### SEMAK KENDIRI 5.2

1. Namakan lima jenis tempat tinggal.



### AKTIVITI 5.7

1. Labelkan jenis-jenis rumah berikut.

Jenis Rumah	Jawapan
	
	
	
	

2. Baca iklan rumah sewa di bawah dan jawab soalan berikutnya.

**RUMAH UNTUK DISEWA**  
 No. 22, Jalan Ceria, Taman Pelangi, Shah Alam  
 Rumah teres, 3 bilik tidur, 2 bilik air  
 Kadar sewa RM600.00 sebulan  
 Pelajar-pelajar universiti diberi keutamaan  
 Sila hubungi tuan rumah, Encik Husin  
 No. telefon: 012-999-4286

- (a) Apakah jenis rumah yang dinyatakan dalam iklan tersebut?
- (b) Berapakah bilangan bilik tidur yang terdapat di rumah berkenaan?
- (c) Siapakah yang diberi keutamaan untuk menyewa?
- (d) Berapakah kadar sewaan rumah tersebut?
- (e) Di manakah letaknya rumah tersebut?
- (f) Siapakah tuan rumah tersebut?
3. Tuliskan perbualan telefon yang mungkin berlaku antara seseorang yang ingin menyewa rumah dengan tuan rumah. Tuliskan jawapan anda dalam forum myINSPIRE.
4. Senaraikan benda yang ada di ruang tamu, bilik tidur dan dapur rumah anda dalam jadual berikut.

Ruang Tamu	Bilik Tidur	Dapur Rumah

5. Nyatakan kegunaan setiap perabot berikut:
- (a) Sofa
  - (b) Meja kopi
  - (c) Almari
  - (d) Meja makan
  - (e) Rak televisyen
  - (f) Kabinet dapur
  - (g) Rak buku
6. Tuliskan satu karangan pendek (lebih kurang 100 patah perkataan) dalam

## RUMUSAN

- Manusia melakukan pelbagai aktiviti dalam seharian seperti bangun tidur, berjalan, menulis, belajar dan membaca.
- Kata kerja ialah perkataan yang menerangkan sesuatu perbuatan seperti datang, makan, berlari, tidur dan bercakap.
- Kata bantu ialah perkataan yang digunakan untuk menerangkan kata kerja yang mengikutinya.
- Pola ayat dasar FN + FK ialah ayat yang terbentuk daripada gabungan frasa nama sebagai subjek dan frasa kerja sebagai predikat.
- Ada kalanya frasa kerja yang digunakan memerlukan penyambut dan adakalanya tidak.
- Frasa sendi nama ialah kata tugas yang hadir di hadapan frasa nama yang bertujuan menjelaskan konteks penggunaannya.

- Terdapat banyak tempat yang menjadi tumpuan pelajar di kampus seperti kafeteria, dewan kuliah, gelanggang sukan dan perpustakaan.
- Terdapat pelbagai jenis dan bentuk tempat tinggal manusia. Antaranya termasuklah rumah teres, pangsapuri, banglo, rumah kedai, rumah berkembardan rumah kampung.
- Dalam sesebuah rumah, kebiasaannya ada ruang tertentu bagi tujuan tertentu. Contohnya, ruang tamu, bilik tidur, dapur dan bilik mandi.
- Setiap rumah dihiasi dengan pelbagai jenis perabot seperti meja makan, kerusi, sofa, rak buku dan almari.

## KATA KUNCI

Aktiviti harian	Kata bantu
Frasa kerja (FK)	Kata kerja
Frasa nama (FN)	Penyambut
Frasa sendi nama (FSN)	Perbuatan
Kampus	Tempat tinggal



## RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasibahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.